

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

SPW304 - Penganalisaan Dasar Awam/
SPU207 - Asas-Asas Dasar Awam

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

1. Masa peperiksaan adalah 3 [tiga] jam.
2. Jawab TIGA (3) dari lima soalan.
3. **Soalan 1 adalah WAJIB dan mesti dijawab.**
4. Anda boleh menjawab soalan mana saja terlebih dahulu.
5. Selamat menjawab, semoga berjaya!

...2/-

1. Jawab soalan (a), (b), (c) dan (d). Anda **WAJIB** menjawab soalan-soalan ini.
 - (a) Huraikan apa yang dimaksudkan dengan “Dasar Awam”. Dalam huraian ini anda harus melibatkan sekurang-kurangnya **empat** ciri dasar awam.
 - (b) Berikan **dua** faktor persekitaran yang mempengaruhi pembuatan dasar awam. Jelaskan setiap satu faktor tersebut.
 - (c) Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan
 - i] Dasar Kawal Atur (*Regulatory Policy*)
 - ii] Dasar Agihan Semula (*Redistributive Policy*).
 - (d) Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan “*issue attention cycle*”

[100 Markah]

2. Teliti petikan di bawah dan jawab soalan yang berikut.

Program khas untuk belia bantu kerajaan

Oleh TUKIRAN KITAM

Muar 11 Dis. - Sebuah jawatankuasa khas kini sedang merangka program bertindak untuk membolehkan belia memainkan peranan berkesan membantu kerajaan dalam menangani masalah ekonomi, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Loke Yuen Yow itu ditubuhkan pada mesyuarat Majlis Perundingan Belia Negara empat hari lalu ditugas menyiapkan pelan tersebut untuk dilaksanakan tahun depan.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempe- ngerusikan mesyuarat ja- watankuasa UMNO Baha- gian Pagoh di sini petang semalam beliau berkata, jawatankuasa tersebut juga telah diarah mengem- bil jalan pintas untuk menyiapkan pelan tindak- an tersebut.

“Kita tidak mahu proses penggubalan ini memakan masa yang panjang untuk disiapkan kerana kalau boleh ia akan dilaksanakan seberapa segera pada tahun depan,” ujar Muhyiddin.

Menurut beliau, mesyua- rat Majlis Perundingan Belia Negara memutuskan menubuhkan jawatan- kuasa khas itu bagi mem-

bolehkan pimpinan belia dapat memainkan peranan berkesan membantu keraja- an mengatasi masalah ekonomi.

Umpamanya kata beliau, kemungkinan untuk penu- buhan brigid tani di kala- ngan belia sebagai salah satu dari pelan tindakan yang akan dimasukkan da- lam program bertindak ja- watankuasa berkenaan ke arah meningkatkan penge- luaran bahan makanan.

“Mereka (brigid tani) boleh mengenal pasti tapak-tapak tanah dan mendapatkan kerjasama daripada pemimpin tem- patan, bantuan Jabatan Pertanian dalam mendapatkan bekalan be- nih dan baja supaya projek

pertanian dapat dilaksana- kan.

“Dalam keadaan sekara- ng, kita patut memberi le- bh perhatian kepada usaha penambahan makanan,” ujarnya sambil menegaskan ke- menterianya akan mem- berikan perhatian kepada belia-belia yang berminat dalam bidang ini.

Terdahulu dari itu Muhyiddin berkata, pihak- nya akan memberi keutamaan kepada mem- bantu projek-projek belia tani dan belia peladang dalam meluluskan tabung pinjaman belia niaga yang sebelum ini tertumpu kepada perusahaan dan perniagaan.

Utusan Malaysia, Jumaat 12 Disember 1997

Anda diminta oleh kerajaan untuk menjadi ahli jawatankuasa yang akan menyiapkan pelan untuk program seperti tersebut di atas. Sebelum anda mengajukan cadangan pelan anda, anda perlu menganalisa perkara ini mengikut *Penganalisan Dasar secara Klasik*. Jelaskan dengan terperinci langkah-langkah yang anda ambil dalam penganalisan anda.

[100 Markah]

...3/-

3. (a) Dalam masyarakat terdapat banyak masalah yang saling bersaing untuk mendapatkan perhatian rasmi dari pihak kerajaan. Menurut pakar-pakar penganalisa dasar, penempatan isu di agenda kerajaan (*agenda setting*) terjadi dengan sendirinya (*"it just happens"*), ataupun sebaliknya, iaitu tidak dengan sendirinya (*"it does not just happen"*). Jelaskan secara terperinci setiap satu cara tersebut.
- (b) Berikan faktor-faktor yang boleh membantu sesuatu isu mendapatkan perhatian awal dari kerajaan. Jelaskan setiap satu faktor dengan terperinci dan/atau berikan contoh yang sesuai dari setiap satu faktor tersebut.

[100 Markah]

4. (a) Salah satu cara pengambilan keputusan ialah pengambilan keputusan secara rasional-menyeluruh (*rational-comprehensive decision-making*).

Jelaskan dengan terperinci:

- i] Elemen-elemen ataupun andaian-andaian cara ini.
- ii] Kritikan-kritikan terhadap cara ini.

- (b) Cara pengambilan keputusan yang juga sering dikaji ialah pengambilan keputusan secara inkremental (*incremental decision - making*).

Bandingkan cara inkremental dengan cara rasional menyeluruh:

- i] Apakah perbezaan utama antara kedua cara ini?
- ii] Apakah kritikan-kritikan terhadap cara inkremental?

- (c) Berikan pandangan anda sendiri, sejauh manakah kedua-dua cara pengambilan keputusan tersebut di atas masih berguna setakat ini.

[100 Markah]

5. Untuk meningkatkan keamanan lalu-lintas (*traffic-safety*) beberapa dasar telah dibuat dan dilaksanakan. Di antaranya adalah:

- i. Larangan memandu di bawah pengaruh alkohol (*drunk-driving*).
- ii. Larangan menggunakan telefon bimbit (*hand phone*) semasa memandu.
- iii. Saman ekor.

Pilih **satu** dari dasar-dasar tersebut di atas.

Anda diminta oleh kerajaan untuk megawasi (*to monitor*) keberkesanan dasar yang anda pilih. Tuliskan cadangan kajian pengawasan (*monitoring*) anda dalam bentuk esei. Dalam esei ini anda harus menjelaskan:

- i. Dua pendekatan monitoring yang anda cadangkan.
- ii. Data dan informasi yang anda perlukan untuk setiap satu pendekatan.

[100 Markah]

